

Malaysia laksana dasar berkecuali hadapi cabaran geopolitik

Kuala Lumpur: Malaysia mengambil tindakan bebas dan berkecuali dengan membuka jaringan dengan semua negara melalui dasar yang disepakati ASEAN dalam memberi reaksi kepada ketidakpastian geopolitik dan ekonomi yang berlaku di peringkat global.

Ini termasuk berkaitan perubahan dasar yang diumumkan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengenai pengeunaan tarif perdagangan kepada negara tertentu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia tidak boleh mengambil tindakan terlalu pantas dalam memberi reaksi kerana dasar boleh berubah dalam masa singkat.

Katanya, umpamanya penguaman Trump, kelmarin yang menangguhkan tarif ke atas Mexico dan Kanada, hanya beberapa jam sebelum langkah itu dijadualkan berkuat kuasa.

"Ada perubahan pagi semalam (kelmarin), apabila beliau (Trump) tidak teruskan dan menangguhkan pelaksanaan tarif untuk Kanada dan Mexico.

"Jadi, dalam tempoh sebulan ini, perubahan dasar dijangka

berlaku atau dikekalkan.

"Apa yang kita lakukan selama ini adalah, pertama, dasar yang bebas dan berkecuali tetapi secara agresif membuka jaringan dengan negara lain, umpamanya Afrika, melalui Afrika Selatan, Ethiopia, Amerika Latin, Brazil dan Peru, selain membuka pendekatan lebih baik dengan China dan Russia.

"Dengan jaringan ini, kita percaya boleh membantu dari sudut memberi ruang pelaburan baharu dan membuka peluang meningkatkan eksport ke negara lain," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) mengenai kedudukan Malaysia terhadap perang perdagangan dunia yang dicituskan daripada pelaksanaan tarif oleh Trump dan sama ada Malaysia akan berdiri bersama negara China, Kanada dan Mexico, selain langkah kewangan dan fiskal untuk melindungi ekonomi dan rakyat Malaysia dari kesan tarif berkenaan.

Perdana Menteri berkata, selain jaringan perdagangan yang lebih luas, negara juga memberi

tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara mengikut dasar yang diumumkan termasuk pelan perindustrian, transisi tenaga dan digital.

"Selain RM90 bilion yang diperuntukkan untuk pembangunan dalam belanjawan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) juga sepakat menambah RM120 bilion dalam jangka masa lima tahun," katanya.

Menjawab soalan tambahan Guan Eng mengenai langkah kerajaan berdepan kesan tarif yang mungkin dikenakan AS terhadap BRICS, Perdana Menteri berkata, Malaysia masih belum menjadi anggota rasmi BRICS, namun langkah persediaan diambil oleh Jemaah Menteri dan penubuhan jawatankuasa khas.

Bagaimanapun katanya, pertumbuhan perdagangan dengan negara pasaran baharu sudah menunjukkan peningkatan, antaranya Mesir, yang mencatatkan peningkatan 53.6 peratus, Angola (59 peratus), Ethiopia (56 peratus), Algeria (27.9 peratus) dan Libya (19.2 peratus).

"Ini maknanya, jika kita boleh perluaskan kepelbagaian ini, saya percaya kita boleh menahan.

Walaupun kita masih terus secara aktif berunding dengan pihak di AS tapi kita tidak boleh menunggu kesan tarif itu dilaksanakan, yang jika diteruskan akan memberikan kesan negatif kepada kita.

"Soal BRICS ini, walaupun berita terakhir, China dan Russia masih bertegas menggunakan (mata wang) kewangan sendiri dan tidak bergantung kepada dolar, belum ada reaksi langsung daripada Trump," katanya.